

16/03/2003

Iraq: Pakatan samseng Anglo Saxon

Syed Akbar Ali

KEPUTUSAN Perancis tidak akan menyokong sebarang usul Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu (UNSC) yang boleh membenarkan serangan ganas terhadap Iraq mengakibatkan kemarahan tidak terhingga pihak Amerika

Syarikat, Britain dan Australia. Amerika telah mencaci Perancis sebagai sebuah 'second rate power' (negara kelas kedua) yang tidak tahu membalas budi Amerika yang pernah menyelamatkan Perancis daripada tentera Nazi Jerman.

Sebenarnya Amerika lupa bahawa Perancis telah menyelamatkan Amerika daripada serangan tentera British bukan sekali tetapi dua kali dalam sejarah negara itu. Dan patung besar Statue of Liberty di New York itu adalah hadiah daripada Perancis kepada Amerika untuk meraikan tradisi demokrasi Amerika.

Tetapi itulah psaikoloji angkuh negara kulit putih Anglo Saxon yang berbahasa Inggeris seperti Amerika, Britain dan Australia iaitu bahawa hanya mereka yang layak memimpin dunia. Britain misalnya sekarang menerajui satu peranan dalam PBB dan pentas dunia yang jauh melebihi status Britain yang sebenarnya. Britain tidak lagi menjadi sebuah kuasa besar. Malah Britain tidak menjadi sebuah kuasa kecil pun.

Ekonomi Britain jauh lebih kecil daripada ekonomi Jerman atau Perancis.

Industri kereta Perancis dan Jerman makin lama makin mengembang di seluruh

dunia tetapi pasaran dunia langsung tidak mengenali kereta keluaran Britain. Pada masa Britain menjadi penjajah mereka gunakan paksaan untuk menjual kereta keluaran British di tanah jajahan. Oleh itu kita pernah melihat kereta Austin, Wauxhall dan Morris di jalan raya kita.

Pada masa itu mereka menyekat kereta keluaran negara lain daripada dijual di tanah jajahan mereka. Apabila kita merdeka dan pasaran kita lebih terbuka kereta keluaran Britain terus lenyap kerana mereka tidak dapat bersaing dengan negara lain. Pada hari ini anak muda kita langsung tidak mengenali nama Vauxhall, Austin atau Morris. Tetapi kita semua kenali Proton, Toyota dan Kia.

Begitu juga hingga tahun 60-an industri kapal terbang Britain menguasai

pasaran di tanah jajahan Britain. Tetapi apabila mereka kehilangan tanah jajahan industri kapal terbang mereka pun terus lenyap.

Sebaliknya negara Perancis telah menunjukkan kebolehan luar biasa kerana

mereka telah berjaya mewujudkan industri kapal terbang yang sungguh berjaya dalam tempoh yang begitu singkat. Tanpa mempunyai pengalaman lama

dalam pembinaan kapal terbang, syarikat Airbus Industrie Perancis misalnya

berjaya menghasilkan kapal terbang gergasi penumpang yang berjaya mengatasi kapal terbang Boeing buatan Amerika dalam masa yang begitu singkat saja.

Dalam perlumbaan pasaran bebas banyak industri Britain, Amerika dan

Australia tidak dapat bersaing dengan negara moden lain. Amerika, Britain dan Australia lebih sedar akan hakikat ini daripada orang lain. Oleh itu apa yang sedang berlaku ialah mereka terpaksa menggunakan muslihat dan komplot dalam usaha terakhir untuk mempertahankan kedudukan mereka sebagai kuasa besar. Oleh itu makin lama mereka akan terbabit dalam lebih banyak komplot dan muslihat sulit untuk mencapai cita-cita mereka.

Bagi Britain pula, mereka selalu menggunakan kawan karib dan anak luar nikah mereka Amerika Syarikat sebagai tonggak utama untuk menjayakan komplot. Contohnya apabila ditubuhkan pasukan pengaman PBB di mana pun, panglimanya sering kali adalah orang Britain.

Pada waktu sengketa di Bosnia pasukan pengaman PBB diketuai seorang jeneral British. Maka tidak hairanlah bahawa timbalan presiden Bosnia boleh terbunuh oleh penganas Serbia ketika beliau berada dalam kawalan pasukan pengaman PBB.

Tidak hairan juga bahawa pasukan pengaman PBB mengambil masa yang begitu lama untuk bertindak yang tidak dapat menyelamatkan beribu-ribu orang Islam daripada dibunuh penganas Serb.

Di Iraq pula, pasukan pemeriksa senjata PBB pada satu masa diketuai Richard Butler, seorang rakyat Australia pula. Butler sebenarnya adalah ahli agensi perisikan CIA. Pada waktu Butler mengetuai pasukan pemeriksa senjata di Iraq, ramai ahli pasukan pemeriksaan itu menjadi agen CIA. Mereka telah dengan sengaja menyulitkan tugas pemeriksaan senjata dan menuduh Iraq menyembunyikan senjata apabila mereka sendiri gagal menjumpai sebarang senjata. Seorang lagi pemeriksa senjata PBB pada waktu itu bernama Scott Ritter telah menuduh Richard Butler sebagai penipu.

Iraq telah membuat aduan tentang Richard Butler dan campur tangan agensi perisikan dan akhir sekali menyuruh semua pemeriksa senjata PBB keluar daripada Iraq. Ini telah memberi alasan untuk Amerika dan Britain mengebom

Iraq dan menuduh Saddam Hussein tidak mahu bekerjasama dengan pemeriksa senjata PBB. Sebenarnya inilah sandiwara yang masih berterusan

Campur tangan British masih berterusan di seluruh dunia. Di Aceh, Indonesia misalnya kerajaan Indonesia telah menjalin perjanjian meletak senjata ('ceasefire agreement') dengan Pergerakan Pembebasan Aceh (Free Aceh Movement). Yang aneh sekali ialah satu jawatankuasa antarabangsa yang

ditubuhkan khas sebagai pemerhati atas perjanjian ini termasuk beberapa orang British. Sudah tentu wakil British itu termasuk agen perisikan MI6 British dan sebagainya yang mempunyai agenda dan muslihat tertentu.

Pendek kata mereka adalah syaitan yang patut diusir keluar dan tidak dibenarkan campur tangan dalam hal ehwal dunia.

Sewaktu penulis bertugas dengan bank dulu, penulis pernah mengaturkan kemudahan pinjaman bagi salah sebuah syarikat tempatan yang mengendalikan sistem telefon bimbit. Syarikat itu menggunakan teknologi ICT daripada Sweden tetapi perkara yang menghairankan penulis ialah kehadiran seorang pakar telekomunikasi British yang diperkenalkan kepada penulis sebagai mewakili 'pihak berkuasa British' yang bertanggungjawab menentukan

supaya frekuensi gelombang radio (radio frequency) yang digunakan system telefon bimbit itu mengikut syarat perjanjian radio antarabangsa (international bandwidth protocol). Yang anehnya setelah penulis menyoal 'pakar British' itu bagaimana beliau menjalankan tugasnya beliau terus menghilangkan diri dan tidak menghadiri mesyuarat lagi.

Sebenarnya, apa yang berlaku ialah mereka meninjau teknologi sistem telefon bimbit kita untuk memudahkan alat pengintipan dan satelit pengintip menapis sebarang perbualan telefon dalam Negara kita. Hanya Amerika, Britain dan Australia yang giat menggunakan kaedah pengintipan dan muslihat untuk mempertahankan kedudukan ekonomi dan status Negara mereka.

Australia sebenarnya adalah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang bertaraf Dunia Ketiga. Sama seperti Britain, Australia tidak mempunyai industri yang bertaraf antarabangsa. Kekayaan Australia terletak kepada perlombongan bijih termasuk emas, uranium, perak dan zinc yang sangat lumayan. Mereka juga menternak biri biri dan mengeluarkan hasil pertanian yang lumayan.

Dengan erti kata lain Australia masih menjadi sebuah ekonomi Dunia Ketiga yang berasaskan hasil sumber semula jadi dan pertanian (natural resource and agricultural economy). Tetapi mereka suka berlagak seolah-olah mereka adalah sebuah kuasa besar sehingga sanggup menjadi 'Pembantu Sheriff' kepada Amerika Syarikat.

Misalnya, mereka telah membekalkan senjata kepada pengganas Timor Timur untuk menghasut kemerdekaan daripada Indonesia. Tentera Australia telah terbabit secara terus untuk melatih dan menggerakkan pejuang Timor Timur. Tetapi ramai orang tidak tahu bahawa dalam tempoh 24 jam setelah Timor Timur mendapat kemerdekaan daripada Indonesia, kerajaan baru Timor Timur telah menandatangani perjanjian penerokaan minyak dengan syarikat minyak Australia. Inilah 'upah perlindungan' atau 'protection money' yang terpaksa dibayar oleh Timor Timur kepada 'Pembantu Sheriff' daripada Australia. Sekarang ramai rakyat Timor Timur mengeluh secara terbuka bahawa mereka telah ditipu oleh muslihat Australia. Tetapi bukan semua pemimpin baru Timor Timur berasa sedih seperti rakyat mereka kerana sebab sebab yang tertentu.

Negara kulit putih Anglo Saxon terpaksa berlagak seperti samseng kerana mereka tidak mampu bersaing di pasaran dunia seperti orang lain. Mereka terpaksa menggunakan muslihat dan kekerasan senjata untuk mendapatkan kelebihan ekonomi.

Jepun, Taiwan atau Perancis sebaliknya tidak ambil peduli siapa pemerintah sesebuah negara kerana mereka masih yakin dapat menjual kereta Toyota, Citroen atau peralatan perkilangan di seluruh dunia. Negara yang dapat bersaing dalam pasaran dunia tidak rasa terancam oleh sesiapa pun.

Tetapi negara yang mencurigai kebolehan mereka untuk bersaing dan terus

berjaya di pasaran dunia akan bertumpu kepada kaedah lainan (alternative means) untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka. Muslihat politik, kaedah mengintip dan porak peranda semuanya digunakan untuk mempertahankan kepentingan mereka.

Kita mesti mengawasi pakatan samseng Anglo Saxon ini yang makin kurang ajar mengancam dunia. Sedikit demi sedikit kita mesti menentang pengaruh mereka dan mengurangkan peranan mereka dalam semua aspek hal ehwal dunia.

Tetapi kita mesti berjaga-jaga. Sebarang percubaan untuk menentang mereka secara terbuka menjemput tindak balas ganas yang boleh huru harakan negara kita. Serangan ekonomi pada 1998 terhadap mata wang kita adalah satu serangan yang terancang George Soros, penghuni penghuni White House, gergasi media seperti CNN dan pakatan perbankan Wall Street dan IMF yang semuanya mempunyai pertalian rapat yang masih tidak difahami umum.

Tetapi cara yang berkesan ialah bagi kita mengurangkan semua pertalian dengan pakatan Anglo Saxon ini supaya mereka tidak diberi kepentingan yang melebihi pertalian kita dengan negara lain. Sebagai contohnya tidak perlu

kita membenarkan kehadiran kakitangan kedutaan Amerika, Australia dan Britain yang begitu ramai dalam negara kita. Perdagangan kita dengan negeri Cina, Taiwan, Korea dan Jepun jauh melebihi keperluan kita kepada Australia atau Britain. Maka apakah logiknya membenarkan mereka mengekalkan kehadiran kakitangan kedutaan yang jauh melebihi kakitangan kedutaan Cina atau Jepun? Apakah perkara ini terlalu remeh bagi kita memikirkannya?

Kita juga perlu mengurangkan kehadiran paling ramai warga negara Australia, Britain dan Amerika sebagai 'pakar asing', petugas NGO antarabangsa, pakar akademi dan sebagainya yang bebas bekerja dan bergerak dalam negara kita. Kita tidak boleh sekali pun tahu apakah niat mereka yang sebenarnya. Seperti mana disebut tadi, mereka juga memantau sistem telekomunikasi negara. Sebenarnya kita yang memberi mereka ruang kepada mereka untuk memperbodohkan kita.

Seperti mana pernah disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita telah berjaya meluaskan perhubungan perdagangan dengan banyak negara lain dalam dunia dan sedikit demi sedikit kita kurang bergantung kepada negara tertentu seperti Amerika. Begitu juga kita harus mengurangkan pertalian perdagangan dengan negara pengganas Anglo Saxon lain seperti Australia dan Britain dan mencari pasaran dan pembekal baru di tempat lain.

Dunia ini adalah sangat luas dan mempunyai beratus buah negara yang semuanya mempunyai produk dan hasil ekonomi yang boleh memenuhi keperluan kita. Tidak dapat dinafikan bahawa barang keluaran Jerman, Perancis dan negara lain di dunia mempunyai mutu dan prestasi yang tinggi. Oleh itu kita tidak rugi jika kita mengurangkan perhatian kepada Australia, Britain atau Amerika Syarikat.

Tetapi malang sekali ramai rakyat kita masih mempunyai `nostalgia' terhadap negara berbahasa Inggeris Anglo Saxon. Pihak tentera misalnya masih menjalin hubungan rapat dengan Britain dan Australia. Pegawai yang berkelulusan daripada Sandhurst mempunyai masa depan cerah dalam angkatan

tentera. Semua ini hanya membantu kekalkan tanggapan silap bahawa bangsa Anglo Saxon itu adalah jaguh dunia. Kita lupa bahawa tentera Vietnam di bawah pimpinan Jeneral Nguyen Vo Giap pernah menghancurkan tentera Perancis dan Amerika di Vietnam.

Kita juga membelanjakan banyak wang promosikan industri pelancongan Malaysia di Negara mereka. Sebenarnya lebih ramai pelancong mengunjungi Negara kita daripada Cina, Belanda, Jerman dan Negara lain daripada Amerika, Australia atau Britain. Ramai rakyat mereka tidak mampu melawat ke luar negeri kerana ekonomi mereka meleset. Penyertaan promosi pelancongan di Rose Bowl Parade di Amerika misalnya mungkin menyebabkan mereka berasa iri hati terhadap negara kita. Penulis pernah melihat pelancong Amerika berasa segan melihat begitu ramai orang Malaysia menggunakan telefon bimbit. Rupanya bukan semua orang Amerika menggunakan

telefon bimbit tetapi dalam negara kita pula anak sekolah pun mempunyai telefon bimbit. Psikologi mereka adalah budaya iri hati yang tidak suka melihat orang lain lebih kaya atau lebih selesa dari mereka. Penulis masih

ingat ketika krisis mata wang Ringgit 1998, seorang pakar kewangan Amerika

berkata dengan penuh sinis "ini bermaksud bahawa rakyat Malaysia jangan terlalu ghairah hendak memandu kereta BMW dan Mercedes Benz". Mereka berasa iri hati bahawa Malaysia adalah pasaran terbesar bagi kereta BMW dan Mercedes di rantau ini.

Tetapi Amerika, Britain dan Australia hanya mampu buli negara kecil. Amerika telah menyerang Grenada, Panama dan Iraq. Mereka juga telah menyerang Kosovo untuk membantu orang Islam tetapi mereka lewat mengambil

tindakan, tidak sepantas tindakan tergopoh mereka sekarang hendak menyerang Iraq. Amerika pernah mengebom Beirut dulu untuk menguji keberkesanan senjata baru termasuk bedilan kapal meriam New Jersey. Tetapi mereka tidak berani menyerang Korea Utara yang mempunyai senjata yang berbahaya termasuk senjata nuklear. Korea Utara juga mendapat perlindungan daripada Cina.

Kesimpulannya, pakatan ganas Anglo Saxon Amerika, Britain dan Australia

makin mengganas di pentas dunia. Mereka seolah-olah gerombolan yakjuj makjuj. Walaupun kita adalah sebuah negara kecil, kita mempunyai

keupayaan membendung kemaraan gerombolan syaitan ini sekurang-kurangnya di rantau ini. Walaupun kita negara kecil kita mesti mengurangkan pertalian dan perhubungan dengan negara pengganas ini. Jangan pula kita menyerahkan kekayaan dan wang kita kepada mereka yang akan hanya membantu mereka menjadi lebih kaya dan lebih kuat. Dan jangan kita membenarkan mereka bergerak bebas dalam negara kita untuk merancang dan berkomplot terhadap

kita.